

31 OCT 1998

Abdullah-Singapura

MALAYSIA SAMBUT BAIK LANGKAH SINGAPURA LANJUT TEMPOH

SEPANG, 31 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, Malaysia menyambut baik langkah Singapura melanjutkan tempoh bagi membincangkan isu kedudukan pusat kastam, imigresen dan kuarantin Malaysia di stesen keretapi Tanjung Pagar.

Beliau berkata, lanjutan tempoh itu sesuatu yang baik lebih-lebih lagi ketika Malaysia menghadapi banyak lagi masalah lain yang turut memerlukan perhatian penuh kerajaan.

"Yang dia bagi lanjutan itu amat baiklah. Saya rasa ini satu tindakan yang kita boleh alu-alukan," katanya kepada pemberita selepas berucap di majlis bersama rakyat anjuran Umno Bahagian Sepang di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi di sini.

Semalam agensi berita asing melaporkan republik itu bersetuju dengan permintaan Malaysia untuk melanjutkan tempoh sebelum ini yang tamat hari ini untuk satu setengah bulan lagi.

Abdullah yang menyatakan rasa puashati dengan lanjutan tempoh itu berkata, isu itu sekarang bukanlah sesuatu yang sensitif sangat memandangkan operasi perkhidmatan keretapi di Tanjung Pagar dan Woodlands tidak menghadapi masalah atau mendapat aduan dari mana-mana pihak.

"Yang perlu sama-sama kita fikirkan ialah kepentingan rakyat kedua-dua negara yang sama-sama menggunakan perkhidmatan keretapi ini. Ini satu perkhidmatan awam yang kita sama-sama hargai."

Ditanya sama ada tempoh satu bulan setengah itu mencukupi beliau berkata: "Biarlah, kalau ada apa-apa lagi, kita bincang sahajalah."

Mengenai sebuah syarikat yang mengiklankan jemputan kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap (pr) di Singapura, Abdullah berkata beliau hairan kerana PR diberi oleh sesebuah kerajaan dan bukan mana-mana syarikat.

"Tapi terpulanglah pada rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia bukan pergi ke Singapura sahaja, yang pergi negara-negara lain pun ada. Sebenarnya kehidupan di Malaysia ini jauh lebih baik termasuk kos hidup yang cukup sederhana," katanya.

Mengenai arahan Ketua Hakim Negara Tun Eusoff Chin supaya perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bermula Isnin ini dijalankan dalam Bahasa Malaysia, Abdullah berkata arahan itu bukanlah daripada pihak eksekutif tetapi daripada hakim sendiri berdasarkan peraturan sedia ada.

"Sudah semestinya kita daulatkan bahasa kita. Peguam-peguam, hakim dan orang yang terlibat, semuanya orang-orang kita," katanya.

Abdullah juga berkata beliau belum menerima apa-apa permintaan rasmi daripada Presiden Filipina, Joseph Estrada yang dilaporkan ingin menemui Anwar semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mahupun permintaan Presiden Indonesia B.J. Habibie dan juga Estrada untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RV PR